

# UNDANG-UNDANG ISLAM DENGAN SIKUT MASA

KUALA LUMPUR, Selasa. — Perundang-undang Islam di negara ini akan berkembang dengan pesat di masa depan jika umat Islam tidak dipisahkan dan dilembahkan, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, langkah-langkah melaksanakan undang-undang Islam di negara ini adalah mengikut situasi semasa dan ini mungkin bertentangan di masa hadapan mengikut keadaan siasah pada masa-masa itu.

Langkah-langkah ini, tambahnya, adalah lebih daripada yang diambil dahulu kerana siasah dahulu tidak mengizinkan.

Bellu berkata demikian ketika menjawab soalan mulut Encik Awang Jabar (BN-Dua-agen) yang ingin tahu langkah-langkah kerajaan melaksanakan undang-undang Islam di negara ini.

## Hamil

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk melaksanakan undang-undang Islam adalah sejajar dengan siasah di Malaysia.

Katanya, langkah-langkah ini diasaskan kepada Sunnah Nabi, yang mana pelaksanaan hukum-hukum mengambil kira bukan sahaja hukum yang ditetapkan bagi sesuatu jenayah, tetapi juga kedudukan penganut Islam di masa tertentu dan perasaan perikemanusiaan.

Ini lah sebabnya ibu hamil yang mengukul berzina tidak dihukum serta-merta tetapi disuruh balik berfikir dan akhirnya apabila ia berkali-kali membuat pengakuan, hukuman dijalankan cuma setelah ia melahirkan anaknya.

Islam adalah agama yang adil dan berperikemanusiaan dan kita di Malaysia berpandu kepada ajaran Islam yang sebenar dalam melaksanakan undang-undang Islam, tegas bellu.

Perdana Menteri menjelaskan di dalam dunia Islam pelaksanaan undang-undang Islam adalah berseiz di antara satu negara dengan negara yang lain.

Tidak ada satu negara yang mempunyai penduduk dari orang Islam, sama ada hampir seratus peratus atau sebagai minoriti yang melaksanakan undang-

undang Islam seratus peratus.

Amalan mengenaikan faedah oleh bank umpamanya, terdapat di seratus peratus negara Islam termasuk yang mendakwa diri sebagai negara Islam tulen.

"Keadaan ini terdapat bukan kerana negara-negara ini membelakangkan agama Islam, tetapi kerana Islam memberi kelonggaran dalam pelaksanaan undang-undang Islam yang mempunyai kesan mengikut keadaan dalam sesuatu negara, iaitu mengikut siasah," tambahnya.

Bellu menerangkan, terdapat di dunia ini

kumpulan-kumpulan orang Islam yang minoriti yang sudah tentu tidak mungkin menjalankan undang-undang Islam kerana percubaan membuat demikian akan membawa tindakan yang keras dari kaum majoriti.

Bagi negara yang penduduknya hampir seratus peratus Islam, keadaan perhubungan politik dan dagang dengan negara asing juga mempunyai kesan terhadap pelaksanaan undang-undang Islam dalam negeri.

Katanya, dalam keadaan yang mana orang Islam adalah 50 peratus

sahaja dari penduduk sebuah negeri, pelaksanaan undang-undang Islam tentulah terpaksa mengambil kira siasah yang wujud dalam keadaan ini.

Yang pertamanya ialah soal kemampuan dan yang kedua ialah soal keadilan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, adalah tidak adil dalam masyarakat majmuk jika penceuri Islam dipotong tangan tetapi penceuri bukan Islam tidak dikenai hukuman sama sekali kerana tidak ada saksi-saksi Islam.

Dalam keadaan ini, tambah bellu, hukuman

terhadap penjenayah-terpaksalah disamakan baik dari segi proses keadilan atau hukuman.

Yang penting ialah keadilan yang salah pada pandangan agama Islam dihukum dengan hukuman yang berasaskan kepada keadilan yang terdapat dalam agama Islam.

Jika ini dibuat maka mengikut kelonggaran yang diberi oleh agama Islam dalam keadaan siasah yang tertentu, maka undang-undang Islam dianggap sebagai terlaksana, katanya.

Malaysia adalah di dalam kategori ini, tambah bellu. Dan jika

Malaysia dikatakan tidak melaksanakan undang-undang Islam maka dunia Islam terpaksa akui bahawa tidak ada negara Islam di dunia ini, dan tidak ada tempat di mana undang-undang Islam dilaksanakan.

Perdana Menteri menyatakan, pendapat yang akhir ini adalah tidak tepat. Kerana Islam memang memberi kelonggaran dan Islam tidak bermaksud untuk menyusahkan penganutnya, sehingga mereka terdedah kepada bahaya yang mungkin menghapuskan mereka.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2426 .....  
No. Penerimaan ..... 170/85 .....